

KERATAN AKHBAR HARI INI (BERITA)

AKHBAR	SINAR HARIAN	MUKA SURAT	10
HARI & TARIKH	6/1/2016	RUANGAN	NASIONAL
DISEMAK OLEH			

808 individu ditahan bawah Poca sepanjang tahun lalu: KPN

10 Nasional SH

KUALA LUMPUR - Polis menahan seramai 808 individu atas pelbagai kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Poca) sepanjang tahun lalu, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Beliau berkata, daripada 808 orang yang ditangkap itu, 188 individu dikenakan perintah tahanan dan 403 lagi dikenakan perintah sekatan.

"Seramai 257 daripada 403 pula telah dipakainya alat Peranti Pemantauan Elektronik, manakala bakinya masih dalam tindakan," katanya di laman Facebook dan Twitter beliau, semalam.

Khalid berkata, mereka yang ditahan juga termasuk 57 orang penganjur judi, 18 bapa ayam dan 42 individu yang ditahan di bawah kesalahan Akta

Anti Pmerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM).
-Bernama



KHALID